

## Impak Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris ke atas Pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina

CHEONG YUEN KEONG

### PENGENALAN

Pada 10 Mei 2002, [mantan] Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Muhamad mengumumkan kerajaan akan mula melaksanakan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) mulai tahun 2003. Pengumuman itu telah menerima bantahan kuat daripada banyak pihak di seluruh negara, khususnya pertubuhan pendidikan dan kebudayaan kumpulan etnik yang berlainan. Disebabkan bantahan kuat daripada Dong Jiao Zong dan pertubuhan Cina yang lain, parti politik yang berteraskan kaum Cina turut memohon agar kerajaan membenarkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) terus menggunakan bahasa Cina untuk mengajar Sains dan Matematik. Lantaran permohonan daripada parti politik kaum Cina dalam Barisan Nasional (BN), Perdana Menteri [masa itu], Tun Dr Mahathir Muhamad telah membenarkan SRJKC menggunakan bahasa Cina dan Inggeris untuk mengajar kedua-dua subjek itu dengan merangkakan formula PPSMI dwibahasa '2-4-3' untuk pelajar di tahap pertama. Selepas tiga tahun, kerajaan telah memperkenalkan formula '6-2-3-2' untuk pelajar di tahap kedua SRJKC.<sup>1</sup>

Pada dasarnya, PPSMI (dwibahasa) yang diperkenalkan di SRJKC itu adalah atas pertimbangan politik dan hasil kompromi antara pemimpin UMNO dengan pemimpin parti politik kaum Cina dalam Barisan Nasional. MCA melihatnya sebagai satu pelaksanaan yang 'win-win' iaitu pelaksanaan yang akan membawa kebaikan kepada dua pihak: tidak sahaja mengekalkan penggunaan bahasa Cina dalam subjek Sains dan Matematik, tetapi juga membantu pelajar SRJKC menguasai istilah Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sekaligus membantu mereka mengikuti pelajaran PPSMI di peringkat sekolah menengah.<sup>2</sup> Sehubungan itu, [mantan] Setiausaha Agung MCA, Ong Kar Chuan, mengatakan: "Atas kegigihan MCA, SRJKC dapat mengelakkan diri daripada menggunakan bahasa Inggeris 100% dalam PPSMI seperti di sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil (SRJKT), kini SRJKC adalah satu-satunya institusi pendidikan yang masih menggunakan bahasa ibunda untuk kedua-dua subjek itu." (Merdeka Review 30.9.08)

Namun, kebanyakan pertubuhan kaum Cina, termasuk Dong Jiao Zong, tetap menentang pelaksanaan PPSMI. Mereka membantah penggunaan bahasa asing (Inggeris) untuk mengajar subjek Sains dan Matematik. Mereka

berpandangan bahasa ibunda adalah bahasa pengantar yang paling berkesan untuk kedua-dua subjek itu. Dong Jiao Zong turut membantah pelaksanaan dasar dwibahasa itu kerana ia hanya adalah pelaksanaan sementara waktu. Pelaksanaannya bukan sahaja tidak memenuhi prinsip pendidikan, malahan melemahkan dan mengancam *status quo* bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di SRJKC (Dong Jiao Zong 2003: 2; 2007: 19). Selain itu, ibu bapa pelajar di SRJKC bimbang pelaksanaan dasar dwibahasa itu akan membawa impak negatif, khususnya daripada segi perkembangan intelek dan rohani anak mereka. Ini disebabkan pelaksanaannya dikatakan akan membebaskan pelajar, menyebabkan mereka merasa bosan, jemu dan seterusnya menyebabkan mereka kehilangan minat dalam kedua-dua subjek itu.

Selepas pelaksanaannya selama enam tahun, apakah impak yang telah dibawa PPSMI (dwibahasa) ke atas pelajar di SRJKC? Apakah langkah yang telah diambil pihak sekolah dan Pengurus Sekolah atau Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) dalam mengatasi masalah yang timbul? Kesemua itu adalah persoalan yang ingin dicari jawapannya dalam makalah ini. Untuk mendapat jawapan kepada soalan itu, penulis telah merangka soalan kaji selidik untuk mendapat pandangan daripada guru Sains dan Matematik atas isu yang berkenaan. Sementara itu, penulis telah menemu bual pentadbir sekolah dan ahli lembaga pengurus sekolah yang berkenaan untuk menghasilkan penulisan yang lebih tepat jawapannya.<sup>3</sup>

Penulis faham adalah kurang menyeluruh dan tepat untuk membuat kesimpulan tentang impak pelaksanaan PPSMI ke atas pelajar di SRJKC jika hanya berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada sebuah sekolah. Namun, penulis harap hasil kajian ini sekurang-kurangnya dapat membayangkan situasi yang dihadapi pelajar dan guru di SRJKC dan seterusnya dapat membantu pihak yang berkenaan agar dapat meneliti masalah yang timbul lantaran pelaksanaan dasar PPSMI (dwibahasa) di SRJKC.

#### IMPAK PELAKSANAAN PPSMI DARI SEGI PENGUASAAN SUBJEK SAINS DAN MATEMATIK

Banyak pertubuhan pendidikan dan kebudayaan telah melibatkan diri dalam gerakan menentang pelaksanaan PPSMI sejak tahun 2002 atas sebab pelaksanaannya tidak memenuhi prinsip asas pendidikan bahasa. Pelaksanaannya bertentangan dengan kajian UNESCO pada tahun 1997 yang menyatakan bahasa ibunda adalah bahasa pengantar yang paling berkesan bagi kanak-kanak kerana mereka mudah memahami pengajaran jika disampaikan dalam bahasa ibunda yang mereka fasih (*The Sun* 19-20.11.2005). Pengerusi Dong Zong (Persekutuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina seMalaysia), Yap Sin Tien, juga mengharapkan kerajaan dapat memahami kesan buruk yang dibawa pelaksanaan PPSMI dan membenarkan semua pihak menggunakan

bahasa ibunda untuk mengajar kedua-dua subjek itu supaya bahasa ibunda itu menjadi lebih bernilai dan dapat diperkembangkan (*The Malaysia Insider* 27.9.2008).

Pada 26 Mac 2005, dalam Konvensyen Pendidikan Orang Melayu II, satu usul meminta kerajaan mengkaji semula pelaksanaan PPSMI telah diluluskan atas sebab pelaksanaannya bukan sahaja akan menyebabkan lebih 50 ribu pelajar Melayu tercicir dari persekolahan, lantaran tidak dapat mengikut subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, malah akan mempengaruhi kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (Laman Web Maklumat dan Pendidikan Dong Jiao Zong 30.9.2008) Dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun 2005, 46.2% daripada pelajar menjawab kedua-dua subjek itu dalam bahasa Melayu, 29.7% menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris untuk kertas-kertas tersebut; pada tahun 2006, hanya satu perempat daripada pelajar menjawab subjek-subjek itu dalam bahasa Inggeris. Selanjutnya, dalam Peperiksaan UPSR tahun 2008, hanya ada 31.1% pelajar boleh menjawab kertas Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (*Sin Chew Daily* 14.11.2008). Ternyata bahawa walaupun pelajar telah menggunakan bahasa Inggeris untuk mempelajari Sains dan Matematik, namun data yang dikumpul itu menunjukkan mereka tidak dapat menguasai bahasa Inggeris untuk menjawab kertas soalan Sains dan Matematik.

Kajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang dijalankan Isahak Haron menunjukkan keputusan pencapaian yang dicapai pelajar amat rendah dalam kedua-dua subjek itu. Setelah lima tahun pelaksanaannya, ramai pelajar berpendapat mereka masih sukar menggunakan bahasa Inggeris untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik. Pada tahun 2007, Isahak Haron telah membuat kajian ke atas 3,000 orang pelajar tahun 5 dan 2,800 orang pelajar tingkatan 2 dan mendapati hampir 60% pelajar Melayu tahun 5 tidak memahami pengajaran guru dalam bahasa Inggeris, manakala 87% daripada pelajar Melayu itu merasa sukar menggunakan bahasa Inggeris untuk mempelajari Sains dan guru juga bermasalah menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar subjek-subjek itu (*The Malaysia Insider* 27.9.2008). Selanjutnya Zainal Keling berkata: “Seramai 146,000 orang atau 30% daripada pelajar mendapat markah D atau E dalam peperiksaan awam pada tahun 2007 itu jelas menggambarkan pelajar itu masih tidak dapat menguasai pengetahuan asas Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris” (*Berita Harian* 14.9.2008).

Namun, pada 9 Julai 2008, [mantan] Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Hishammuddin pula mengatakan keputusan peperiksaan PMR dari tahun 2005 hingga 2007 menunjukkan pelaksanaan PPSMI di Sekolah Menengah tidak mempengaruhi keputusan pencapaian Sains dan Matematik. Dalam subjek Matematik, peratusan pelajar yang lulus telah meningkat daripada 84.1% pada 2005 kepada 87% pada 2007, manakala subjek Sains dikekalkan pada kadar 90% (Laman Web Maklumat dan Pendidikan Dong Jiao Zong, 4.10.2008). Dalam UPSR tahun 2008, kadar kelulusan Sains dan Matematik kekal pada tahap

kelulusan yang tinggi, iaitu 83.9% dan 82.7% masing-masing (*Sin Chew Daily* 14.11.2008). Maka, timbul satu pertanyaan, betulkah penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik lebih sukar dikuasai berbanding dengan penggunaan bahasa ibunda? Untuk mencari jawapannya, wajar untuk kita mendengar pendapat dan pandangan daripada guru yang terlibat secara langsung dalam pengajaran kedua-dua subjek itu terlebih dahulu.

### MAMPUKAH PELAJAR SRJKC MENGUASAI SAINS DAN MATEMATIK MELALUI PPSMI?

Dalam soal selidik penulis yang disebut tadi, didapati 96.46% guru Sains dan Matematik mengakui PPSMI (dwibahasa) telah membawa impak negatif yang tertentu kepada murid di SRJKC. Hampir semua guru tidak menafikan pelajar menghadapi masalah yang tertentu bila menggunakan bahasa Inggeris untuk mempelajari Sains dan Matematik. Sebanyak 98.2% guru Sains dan Matematik berpendapat masalahnya timbul lantaran pelajar belum dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik, maka mereka tidak begitu memahami pengajaran guru dan juga tidak dapat memahami isi kandungan dalam buku. Kelemahan penguasaan bahasa pengantar telah menyebabkan mereka tidak mendapat keputusan yang baik (Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris) seperti yang dicapai mereka dalam subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Cina.<sup>4</sup> Selain itu, hampir 63% daripada guru itu berpendapat keputusan pencapaian Matematik dalam bahasa Cina lebih baik daripada keputusan pencapaiannya yang diajar dengan bahasa Inggeris; dan 66.7% daripada guru berpendapat keputusan pencapaian Sains yang diajar dengan bahasa Cina lebih baik daripada yang diajar dengan bahasa Inggeris. Maka, di sini timbullah persoalan betulkah pelajar itu tidak dapat mengikuti PPSMI?

Ketika cuba membuat penelitian dengan lebih lanjut dan mendalam, penulis mendapati bagi pelajar yang cemerlang,<sup>5</sup> penguasaan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bukanlah masalah mereka, 78% daripada guru berpendapat tidak timbul masalah ketara bagi kumpulan pelajar yang cemerlang dalam pelaksanaan PPSMI. Bagi kumpulan pelajar yang agak baik, walaupun mereka tidak dapat mencapai keputusan dengan baik, namun 70% daripada guru itu berpendapat pencapaian atau penguasaan mereka dalam kedua-dua subjek itu masih memuaskan. Namun, bagi pelajar yang sederhana, sebanyak 40% guru berpendapat mereka tidak dapat mencapai keputusan yang memuaskan; manakala bagi pelajar yang agak lemah, lebih 90% guru berpendapat mereka tidak dapat mengikuti pelajaran yang disampaikan guru, dan akhirnya kesemua guru berpendapat kumpulan pelajar yang lemah memang tidak berkeupayaan mengikuti kelas PPSMI.

Daripada soal selidik di atas, penulis berpendapat pihak sekolah harus lebih mengambil berat tentang masalah yang dihadapi kumpulan pelajar yang sederhana atau agak lemah. Seandainya subjek Sains dan Matematik itu diajar

dalam bahasa ibunda, ternyata kumpulan pelajar ini masih dapat menguasai kemahiran asas subjek-subjek ini, tetapi di sebaliknya apabila kedua-dua subjek itu diajar dalam bahasa Inggeris, ternyata mereka tidak dapat menguasai kemahiran itu dan ini akan menghilangkan minat belajar mereka dalam kedua-dua subjek itu. Hal ini menurut kata penolong kanan sekolah Yu Hwa, Chin Yuen Keong, kumpulan pelajar yang agak lemah atau di bawah purata itu adalah pelajar yang paling serius masalahnya di bawah pelaksanaan PPSMI, kerana mereka masih berkeupayaan menguasai sebahagian besar kemahiran dalam kedua-dua subjek tersebut seandainya mereka menggunakan bahasa ibunda untuk mempelajari kedua-dua subjek itu (Temu bual Chin pada 6.11.2007).

Walaupun tidak ada masalah bagi kumpulan pelajar cemerlang untuk menguasai PPSMI, tetapi adakah penggunaan dwibahasa untuk mempelajari kemahiran dan isi kandungan yang sama akan menyebabkan mereka merasa bosan, jemu dan kehilangan minat mereka untuk belajar? Pada tahun 2003, [mantan] Timbalan Menteri Pendidikan, Hong Chong Kim, mengakui pelaksanaan formula 2-4-3 akan menimbulkan dua masalah besar. Salah satunya ialah ia akan membuat pelajar merasa bosan dan jemu (*Sin Chew Daily* 25.7.2002). Menurut laporan soal selidik ini, sebanyak 71.4% daripada guru bersetuju bahawa mengulangi pengajaran dalam dua bahasa membuat pelajar merasa bosan dan jemu. Terdapat 87.5% daripada guru berpendapat pelaksanaan PPSMI telah membawa beban lebih kepada pelajar kerana mereka terpaksa belajar subjek yang berlebihan. Seandainya situasi itu tidak dibaiki, ia akan membawa impak buruk ke atas perkembangan intelek dan rohani kanak-kanak.

Dari segi lain, bagi kumpulan pelajar yang lemah, sudahlah tidak senang untuk mereka menguasai kemahiran dalam kedua-dua subjek, apatah lagi mereka diajar dengan bahasa yang mereka tidak faham langsung. Ini akan membuat mereka semakin kuat menolak subjek-subjek itu. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak harus disampaikan dalam bahasa yang paling dikenali mereka untuk membawa kesan yang positif. Ini terbukti dengan pandangan guru dalam soal selidik itu dengan 83.6% guru berpendapat pelajarinya dapat menumpukan perhatian dan menjadi lebih aktif dalam proses pembelajaran semasa Sains dan Matematik diajar dalam bahasa ibunda.

#### ADAKAH PENCAPAIAN SAINS DAN MATEMATIK PELAJAR BERTAMBAH BAIK?

Sejak pelaksanaan dasar PPSMI (dwibahasa) di SRJKC, jumlah masa untuk kedua-dua subjek (dalam bahasa Cina dan Inggeris) telah bertambah. Tetapi, adakah keputusan pencapaian subjek Sains dan Matematik pelajar telah meningkat? Dalam soal selidik tadi, hampir semua guru berpendapat pencapaian pelajar dalam kedua-dua subjek itu tidaklah sebaik keputusan pencapaian semasa pelajar hanya diajar dalam bahasa ibunda; sebaliknya sebanyak 65.5% guru berpendapat pencapaian pelajar dalam Matematik telah merosot. Begitu juga bagi subjek

Sains. Tidak ada guru berpendapat keputusan pencapaian pelajar dalam subjek ini telah meningkat berbanding semasa diajar dengan satu bahasa. Sebaliknya 56.% guru itu beranggapan pencapaian dalam subjek ini telah merosot dan 10.9% mereka berpendapat tidak banyak bezanya dan seterusnya 32.7% mereka memberi jawapan yang tidak pasti.

Dari segi lain, sebanyak 44.6% guru berpendapat Sains yang diajar dalam bahasa Inggeris lebih sukar dikuasai berbanding dengan Matematik yang diajar dalam bahasa Inggeris. Ini bukan sukar difahami, kerana subjek Sains melibatkan banyak istilah Sains berbanding dengan Matematik yang mengutamakan cara mengira. Sejak pelaksanaan PPSMI (dwibahasa) di SRJKC, masa pembelajaran kedua-dua subjek itu dikatakan telah meningkat sedikit, tetapi kita tidak ada bukti atau pandangan daripada pihak guru untuk menunjukkan mutu pencapaian pelajar dalam kedua-dua subjek telah bertambah baik berikutan peningkatan masanya. Ini mungkin disebabkan pelajar terpaksa mengambil bilangan subjek yang banyak sehingga tidak ada masa atau tenaga untuk mengkaji kedua-dua subjek itu dengan lebih mendalam. Sehubungan itu, [mantan] Setiausaha Biro Pendidikan MCA, Senator Lee Sing Chooi, pernah mencadangkan kepada guru di SRJKC agar lebih banyak masa diperuntukkan itu untuk mengajar pelajar memahami konsep asas Sains dan Matematik daripada mengulangi isi kandungan yang sama dalam dua bahasa (Temu bual dengan Lee Sing Chooi pada 11.12.2003). Namun, perlu disedari waktu untuk mengajar kedua-dua subjek itu dalam salah satu bahasa telah berkurang dan guru itu tetap menghadapi masalah kekurangan waktu untuk menghabiskan sukatan pelajaran mereka.

Sebagai rumusan, penulis mendapati pelaksanaan PPSMI telah menyebabkan penguasaan dan pencapaian pelajar dalam kedua-dua subjek itu menghadapi masalah dan pencapaian pelajar dalam kedua-dua subjek yang diajar dalam bahasa Cina lebih baik berbanding dengan yang diajar dengan bahasa Inggeris. Ini menggambarkan penggunaan bahasa ibunda, iaitu bahasa yang telah dikuasai kanak-kanak sejak kecil lagi, untuk menyerap ilmu adalah jauh lebih berkesan. Ini selaras dengan cadangan pakar pendidikan, Geraed Renou, yang mengatakan pelajar sekolah rendah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar akan dapat membantu mereka mempersembahkan pemikiran mereka, meningkatkan daya kreatif mereka, dan seterusnya mengurangkan impak negatif yang dihadapi (1998: 11-16), maka tidaklah hairan dengan sikap UNESCO mencadangkan dalam bidang pendidikan, kita seharusnya melanjutkan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar sehingga ke tingkat yang lebih tinggi (Dong Jiao Zong 20034).

#### IMPAK PELAKSANAAN PPSMI TERHADAP PENGUASAAN SUBJEK-SUBJEK BAHASA OLEH PELAJAR

Kerajaan pernah menyatakan antara tujuan pelaksanaan PPSMI adalah untuk meningkatkan mutu penguasaan bahasa Inggeris di kalangan generasi baru.<sup>6</sup>

Dalam surat perkeliling Kementerian Pendidikan turut dinyatakan antara matlamat melaksanakan dasar PPSMI ialah untuk melahirkan generasi baru yang dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik agar mereka dapat meningkatkan daya persaingan di peringkat antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Muhamad (10-8-2008), turut menyatakan:

“Hanya fasih bertutur dalam bahasa sendiri dengan ilmu pengetahuan yang cetek tidak akan menjadi bangsa yang mulia dan tidak mampu bersaing dengan bangsa-bangsa maju. Sejarah menunjukkan bahawa penguasaan ilmu yang ada pada bangsa lain bermula dengan penguasaan bahasanya... Penterjemah Melayu yang sedikit bilangan tidak mampu menterjemah jumlah ilmu baru dan kepantasan perkembangan ilmu. Sebaliknya jika kita belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris kita akan dapat akses secara langsung sendiri semua ilmu yang diterokai.”

Terdapat golongan yang menyokong pelaksanaan dasar PPSMI. Kebanyakan mereka adalah golongan peniaga, pengusaha, golongan yang bertutur dalam bahasa Inggeris di rumah dan pemimpin atasan BN. Mereka menyokong dasar ini berlandaskan kedudukan istimewa bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa. Tetapi, agak sukar untuk golongan yang berpendidikan bahasa Inggeris itu memahami impak buruk yang dibawa PPSMI ke atas kanak-kanak yang menerima pendidikan bahasa ibunda. Tidak kurang juga media massa berbahasa Inggeris menyokong pelaksanaan dasar ini kerana ia akan memperkembangkan dan memperkukuhkan penggunaan bahasa Inggeris di Malaysia. Misalnya, akhbar *The Sun* telah menyeru kerajaan mengekalkan dasar PPSMI (*The Sun* 20.11. 2007; Shafie Abu Bakar 30.11.07).

Selain itu, [mantan] Menteri Pendidikan, Hishammudin, pernah menyatakan: “Kita tidak harus berasa malu mengatakan bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa orang Malaysia.” (*New Straits Times* 16.8.2005). Akhbar *The Star* turut melaporkan bahawa “Menteri Pendidikan menghadapi tekanan daripada pendesak agar memindah dasar PPSMI, namun beliau nampaknya ingin kekalkan dasar tersebut.” (*The Star* 25. 11. 2007).<sup>7</sup> Pada tahun 2008, selepas mengumumkan keputusan UPSR, [mantan] Menteri Pendidikan itu mengatakan walaupun keputusan subjek Sains dan Matematik merosot sedikit, tetapi ia bukanlah alasan yang cukup untuk dimansuhkan dasar PPSMI (*Sin Chew Daily* 14 11. 2008). Sehubungan itu, beliau berjanji akan membuat keputusan sama ada mengekalkan atau memansuhkan dasar itu pada akhir tahun 2008, dan menjemput semua pihak (pendidik, akademia, persatuan, guru dan ibu bapa) memberi pandangan. [Mantan] ketua pengarah Kementerian Pendidikan, Alifuddin, pula menyatakan selepas kementerianya mengumpul dan meneliti semua laporan kajian, hasil mesyuarat dan laporan akhbar, didapati kebanyakan rakyat menyokong dasar PPSMI.<sup>8</sup>

Namun, dasar PPSMI yang bertujuan untuk meningkatkan mutu bahasa Inggeris memang tidak disetujui banyak pihak. Misalnya, Dong Jiao Zong mengatakan ia menyokong usaha kerajaan meningkatkan mutu bahasa Inggeris

di kalangan rakyat, namun ia perlu dilaksanakan melalui subjek bahasa Inggeris dan berlandaskan prinsip pembelajaran bahasa (Dong Jiao Zong 2003:2; Jiao Zong 2007:19). Golongan pendidik dan akademia juga mengeluarkan suara bantahan yang sama, termasuk Prof Shamsul Amri Baharuddin dari Universiti Kebangsaan Malaysia, yang pernah berkata: “Subjek Matematik dan Sains bukan berasal dari bahasa Inggeris, kenapa kita menggunakan bahasa Inggeris untuk mempelajarinya?”<sup>9</sup> Kata bendahari Lembaga Pengurus SMJK Yu Hua, Ling Voon Yun: “Kita sepatutnya mengajar subjek bahasa Inggeris untuk meningkatkan taraf bahasa Inggeris pelajar. Ini dapat dilakukan dengan menambah waktu belajar bahasa Inggeris, memperkembangkan isi kandungan buku teks dan menggalakkan pelajar lebih banyak membaca bahan bacaan dalam bahasa Inggeris.” (Temu bual dengan Ling pada 11.10.2007). Tan Sri Ismail Hussein, pengerusi GAPENA pula berkata: “Kami tidak menolak bahasa Inggeris, ia harus diutamakan, tetapi bukan melalui cara PPSMI.” Seterusnya, Prof Diraja Ungku Aziz juga berpendapat kita tidak mungkin menggunakan subjek Matematik dan Sains untuk menguasai bahasa (*The Malaysia Insider* 27.9.2008).

Adalah jelas semua pihak mengakui penguasaan bahasa Inggeris yang berperanan sebagai bahasa antarabangsa itu perlu diutamakan agar kita dapat menghadapi cabaran globalisasi. Namun, kita tidak harus mengabaikan masalah yang dihadapi kanak-kanak yang baru masuk ke sekolah rendah dan tidak berkeupayaan menggunakan bahasa asing untuk menyerap ilmu Sains dan Matematik. Ini akan menyusahkan mereka sehingga merasa kurang berminat terhadap Sains dan Matematik. Sementara itu, Sains dan Matematik yang lebih mengutamakan istilah teknikal itu tidak sesuai digunakan untuk meninggikan mutu bahasa Inggeris. Dalam peperiksaan PMR pada tahun 2005, peratusan kelulusan dalam bahasa Inggeris telah mencapai 73.8%, tetapi telah merosot kepada 71.4% pada tahun 2006 (*The Star* 30.12.2006). Walau bagaimanapun, dalam peperiksaan UPSR dari tahun 2003 hingga 2007, peratusan kelulusan bahasa Inggeris telah meningkat sedikit, iaitu dari 68.2% meningkat ke 73% bagi SK dan meningkat dari 69.3% ke 71% bagi SRJKC (*Sin Chew Daily* 14.11.2008), tetapi kita perlu sedar juga tidak ada bukti yang kukuh untuk menunjukkan peningkatan tersebut berkaitan langsung dengan pelaksanaan PPSMI.

Dari aspek lain, menurut [mantan] Timbalan Menteri Pendidikan. Razali Ismail, sebanyak 35% daripada guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris itu dikenal pasti masih tidak dapat menguasai bahasa Inggeris untuk mengendalikan kelas PPSMI. Ini semestinya akan membawa impak negatif yang ketara, khususnya ke atas pelajar yang lemah dalam bahasa Inggeris (*Utusan Malayu* 6.9.2008). Perlu diketahui juga sejak tahun 2003, kerajaan telah membelanjakan RM3.1 billion untuk melaksanakan dasar PPSMI, termasuk melatih guru yang lemah dalam bahasa Inggeris (Laman Web Maklumat dan Pendidikan Dong Jiao Zong 4.10.2008). Kegagalan sesetengah guru menguasai bahasa Inggeris menandakan perbelanjaan yang begitu banyak yang telah



ditawarkan kerajaan itu tidak mampu memperoleh hasil seperti yang diharapkan.

Dari segi lain, adakah pelaksanaan PPSMI (dwibahasa) di SRJKC ini akan mempengaruhi pencapaian subjek bahasa-bahasa di kalangan pelajar? Kebanyakan guru (61.8%) yang ditanya berpendapat keupayaan penguasaan bahasa Cina di sekolah ini telah merosot. Ini mungkin disebabkan sejak pelaksanaan PPSMI, pelajar itu terpaksa membahagikan masa dan tenaga untuk menangani subjek tambahan seperti Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Perbuatan itu menyebabkan masa yang diperuntukkan mereka dalam subjek bahasa Cina itu telah berkurang. Tambahan pula, demi menguasai bahasa Inggeris untuk mempelajari Sains dan Matematik, ibu bapa mereka menjadi begitu ghairah memujuk mereka mengutamakan bahasa Inggeris sehingga mengabaikan bahasa ibunda. Kesemua faktor itu secara tidak langsung menyumbang kepada kemerosotan mutu penguasaan bahasa Cina di kalangan pelajar yang mengikuti PPSMI (dwibahasa).

Dari segi lain, pengurangan waktu belajar untuk bahasa Cina turut menjadi faktor penting kepada kemerosotan mutu bahasa Cina pelajar. Di peringkat bawah (tahun 1 hingga tahun 3), masa untuk bahasa Cina telah berkurang dari jumlah 450 minit seminggu ke 360 minit seminggu (merosot 20%) dan subjek lain yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar telah merosot sebanyak 16%. Sebaliknya di peringkat atas (tahun 4 hingga tahun 6), subjek yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar juga telah merosot sebanyak 11.3% (Dong Jiao Zong 2007: 54-63). Ini menepati kenyataan Dong Jiao Zong dalam laporan soal selidikinya pada 25 Mei 2006 yang mendapati pelaksanaan PPSMI bukan sahaja tidak membantu pembangunan SRJKC, malahan telah membawa impak negatif ketara kepada pelajar, khususnya dari segi mutu pencapaian bahasa Cina mereka (*Merdeka Review* 30.9.08).

Berbincang tentang mutu pencapaian bahasa kebangsaan, sebanyak 30.9% guru yang ditanya berpendapat pelaksanaan PPSMI tidak membawa impak yang menonjol ke atas mutu penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar. Sebanyak 42.9% guru memilih jawapan 'tidak pasti' dalam soalan itu. Pelaksanaan PPSMI tidak menunjukkan impak yang nyata ke atas mutu pencapaian bahasa Melayu di kalangan pelajar itu mungkin disebabkan waktu pembelajaran bahasa Melayu telah meningkat sedikit di bawah dasar baru itu. Antaranya, masa pembelajaran bahasa Melayu untuk tahun 3 telah bertambah 60 minit, dan tahun 4, 5 dan 6 telah bertambah 30 minit setiap minggu.

Bagaimana pula dengan mutu pencapaian bahasa Inggeris di kalangan pelajar di bawah pelaksanaan dasar PPSMI? Menurut laporan Unit Penyelidikan dan Perancangan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dari tahun 2003 hingga tahun 2007, Kementerian Pendidikan telah membuat tinjauan di sebanyak 4,813 buah sekolah rendah, termasuk 3,531 buah SRK, 864 buah SRJKC dan 418 buah SRJKT. Hasilnya didapati 89% pelajar jarang menggunakan bahasa Inggeris dalam kelas PPSMI, dengan 87.2% pelajar itu tidak menggunakan bahasa

Inggeris semasa berinteraksi dengan guru, manakala 78.6% pelajar itu berada dalam tahap penguasaan bahasa Inggeris yang lemah dan guru belum bersedia untuk melaksanakan dasar PPSMI. Laporan itu telah membuat kesimpulan bahawa keupayaan pelaksanaan dasar PPSMI masih berada pada peringkat 'sederhana' dan 'lemah' (Laman Web Maklumat dan Pendidikan Dong Jiao Zong 4.10.2008). Dengan kata lain, dalam keadaan yang masih belum bersedia ini, tidak mungkin untuk kita meningkatkan mutu bahasa Inggeris dengan pelaksanaan PPSMI.

Dalam soal selidik penulis, didapati 35.2% guru berpendapat selepas pelaksanaan PPSMI, mutu bahasa Inggeris telah bertambah baik. Namun, kebanyakan (64.8%) guru itu tidak mempercayai pelaksanaan PPSMI dapat meningkatkan mutu penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Namun, lebih separuh (59.3%) guru mempercayai pelaksanaan PPSMI dapat membantu pelajar menguasai lebih banyak perbendaharaan kata dalam bahasa Inggeris. Daripada data itu, boleh dibuat kesimpulan bahawa pelaksanaan dasar PPSMI walaupun tidak dapat meningkatkan mutu penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar, namun ia telah membantu pelajar menguasai lebih banyak kata-kata Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Sebagai rumusan, pelaksanaan PPSMI bukan sahaja tidak membawa peningkatan ketara dalam mutu atau penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu di sekolah itu, tetapi juga mutu penguasaan bahasa Cina di kalangan pelajar itu telah merosot. Kesimpulan sebegini bercanggah dengan kenyataan [mantan] Timbalan Menteri Pendidikan, Hong Chun Kim, yang menyatakan PPSMI (dwibahasa) itu adalah dasar *win-win* kepada SRJKC, kerana ia bukan sahaja membolehkan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa ibunda, malah dapat juga membantu pelajar meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris.<sup>10</sup>

## BAGAIMANA PIHAK SEKOLAH DAN GURU MENGATASI MASALAH PELAKSANAAN PPSMI

### CADANGAN PIHAK GURU

Penulis telah meminta guru yang mengajar Sains dan Matematik untuk memberi cadangan bagi mengatasi masalah yang dihadapi mereka. Berkenaan waktu belajar, sebahagian besar guru berpendapat waktu pembelajaran Sains dan Matematik harus ditambah. Sebanyak 51.8% mereka berpendapat waktu Matematik yang diajar dengan bahasa Cina pada tahun bawahan seperti tahun 1, 2 dan 3 itu harus ditambah, kerana selepas pelaksanaan PPSMI (dwibahasa), waktunya telah dikurangkan dari 7 waktu seminggu kepada 6 waktu, dengan isi kandungan dan sukatan yang sama. Sebaliknya, untuk tahun atasan, seperti tahun 4,5 dan 6, 39.3% guru itu mencadangkan agar waktu Sains yang diajar dalam bahasa Cina harus ditambah, ini kerana 5 waktu yang diperuntukkan untuk mengajar Sains itu telah diagihkan 3 waktunya untuk Sains bahasa Cina

dan 2 waktu untuk Sains bahasa Inggeris. Kesannya adalah sukatan dan isi kandungan dalam Sains yang diajar dalam bahasa Cina dan bahasa Inggeris tidak dapat dihabiskan kerana ia dirancang mengikut sukatan dan isi kandungan yang digunakan di SRK yang sepatutnya memerlukan peruntukan masa 5 waktu seminggu. Selain itu, 37.5% guru berpendapat waktu Matematik di tahun-tahun atasan harus ditambah kerana guru di SRJKC terpaksa menggunakan 6 waktu untuk menghabiskan isi kandungan yang memerlukan 7 waktu untuk dihabiskan di SRK. Di sini boleh dirumuskan bahawa di bawah pelaksanaan PPSMI (dwibahasa) waktu pengajaran untuk Sains dan Matematik dalam bahasa Cina telah berkurang. Ini telah menyebabkan guru tidak dapat menghabiskan sukatan dan isi kandungan yang diperuntukkan. Cadangan yang dikemukakan guru tadi agar waktu pembelajaran ditambah itu menggambarkan masalah yang perlu diatasi dengan segera, selain ia juga menggambarkan sokongan dan pengiktirafan guru kepada bahasa ibunda yang menjadi bahasa pengantar yang paling berkesan untuk kanak.

Menurut kehendak Kementerian Pendidikan, guru diwajibkan menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik bahasa Inggeris. Akakah arahan ini dipatuhi guru dengan sepenuhnya? Menurut data yang dikumpul, hanya sebahagian kecil (7.1% bagi kelas-kelas peringkat bawahan, 14.2% bagi kelas-kelas peringkat atasan) daripada guru itu telah menggunakan bahasa Inggeris dengan sepenuhnya semasa mengendalikan kelas Sains dan Matematik. Sebaliknya, lebih 80% menyokong penggunaan dua jenis bahasa untuk mengendalikan kelas agar pelajar dapat memahami pengajaran mereka. Selain itu, lebih kurang 40% guru mencadangkan agar penggunaan bahasa Inggeris diutamakan dan bahasa Cina hanya digunakan dalam situasi yang perlu. Tetapi, lebih kurang 30% guru berpendapat PPSMI boleh dikendalikan dengan dua bahasa yang agak sama rata. Nampaknya, di peringkat sekolah rendah, kebanyakan guru masih menggunakan dua bahasa untuk menyampaikan pengajaran agar pelajar betul-betul memahami isi kandungan pelajaran. Ini adalah tindakan yang patut diterima dan guru tidak harus dipersalahkan.

Daripada pendapat guru tadi, timbul satu lagi persoalan: sama ada penggunaan bahasa Inggeris secara sepenuhnya dalam PPSMI adalah pelaksanaan yang tidak sesuai? Adakah ini bermakna penolakan dasar PPSMI daripada masyarakat Cina dan Dong Jiao Zong adalah berasas dan tepat? Punca utama guru menggunakan dua bahasa ketika mengendalikan kelas PPSMI tadi adalah kerana kebanyakan pelajar masih belum memiliki keupayaan atau penguasaan bahasa Inggeris untuk menerap ilmu Sains dan Matematik. Usaha sebegini dapat membantu pelajar agar tidak kehilangan minat belajar kerana masalah kelemahan bahasa. Namun, penggunaan kedua-dua bahasa untuk mengajar pelajar mungkin akan menyebabkan pelajar kehilangan keyakinan untuk menggunakan bahasa Inggeris bagi mempelajari Sains dan Matematik dan situasi sebegini jika dilanjutkan akan membawa impak buruk dan akhirnya akan menyebabkan matlamat asal pelaksanaan PPSMI tidak tercapai (Lim Chap Sam 2007: 25).

Jika guru menggunakan dua bahasa untuk menyampaikan pengajaran, mereka sekurang-kurangnya dapat mengelakkan pelajar kehilangan minat ke atas kedua-dua subjek tadi. Dari satu segi, pelajar pula memerlukan masa panjang untuk menguasai bahasa Inggeris. Dengan kata lain, penggunaan dua bahasa untuk mengajar PPSMI di peringkat sekolah rendah itu dapat membantu murid menguasai bahasa Inggeris secukupnya untuk menghadapi cabaran PPSMI di sekolah menengah. Pandangan sedemikian diterima sebahagian guru dengan hampir separuh (45%) mereka berpendapat PPSMI boleh dimulakan dari peringkat sekolah rendah, tetapi hanya perlu mementingkan pengajaran istilah Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris agar mereka mempunyai keyakinan lebih besar untuk menghadapi cabaran di peringkat sekolah menengah yang akan menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar kedua-dua subjek itu. Daripada pandangan guru itu, kita perlu menyedari pelaksanaan PPSMI (dwibahasa) ini mungkin akan menyebabkan ciri asal SJKC yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar itu berubah suatu hari nanti tanpa tindak balas hebat daripada masyarakat Cina (Dong Jiao Zong 200312).

#### PENYUSUNAN WAKTU PENGAJARAN ANJAL

Untuk mengatasi masa pengajaran yang tidak cukup sejak pelaksanaan PPSMI, pihak pentadbir sekolah telah memanjangkan waktu pembelajarannya. Ini termasuk mengawal waktu sekolah bermula dan melewati waktu sekolah tamat.<sup>11</sup> Misalnya, pihak sekolah memindahkan waktu sekolah bermula daripada pukul 7.30 pagi kepada 7.10 pagi; sementara waktu tamat sekolah telah dilewatkan daripada pukul 12.50 kepada pukul 1.00 tengah hari. Ini membolehkan jumlah masa persekolahan meningkat dari 10 waktu kepada 11 waktu, iaitu waktu Sains dan Matematik bahasa Cina di peringkat atasan itu dapat ditambah satu waktu untuk membolehkan guru mempunyai masa yang lebih untuk menghabiskan isi kandungan sukatan (Temu bual dengan Koh Ai Boih pada 6.11.2007).

Sejak pelaksanaan PPSMI, pihak kementerian pendidikan tidak menambah bilangan guru di SRJKC. Ini menyebabkan guru di SRJKC terpaksa menanggung bilangan waktu pengajaran yang lebih banyak selepas setiap kelas ditambah 5 waktu dalam seminggu. Mengikut kiraan, setiap guru telah bertambah 3.3 waktu dalam seminggu<sup>12</sup> dan ini tentu telah membawa beban yang lebih besar kepada guru di SRJKC. Namun, disebabkan kesedaran dan semangat mendukung pendidikan bahasa ibunda yang tinggi, guru yang berkenaan sanggup memikul beban kerja lebih yang tidak ditanggung guru di SRK atau SRJKT. Dari segi itu, pihak PIBG dan Lembaga Pengerus telah menyediakan ruang yang cukup untuk pelajar di tahun enam agar dapat belajar hingga petang (satu sesi) ketika menghadapi peperiksaan UPSR. Di sini, waktu belajar untuk Sains dan Matematik

dalam bahasa Inggeris itu telah ditambah 2 waktu seminggu agar guru mempunyai masa lebih cukup untuk mengajar kedua-dua subjek itu.

Dari segi pengajaran dalam kelas, pihak sekolah dan guru telah mengamalkan teknik mengajar yang lebih anjal dan bijaksana. Contohnya, guru diminta mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Cina dahulu agar pelajar dapat menguasai kemahiran dan isi kandungan kedua-duanya sebelum didedahkan kepada pengajaran subjek tadi dalam bahasa Inggeris. Guru juga mengelakkan diri daripada mengulangi isi kandungan dan aktiviti pembelajaran yang telah diajar dalam bahasa Cina ketika dalam kelas PPSMI. Sebaliknya, mereka lebih mementingkan pengajaran kata-kata khas dalam bahasa Inggeris dan menerangkan isi kandungan yang penting dan juga menyampaikan teknik menjawab soalan peperiksaan. Teknik pengajaran yang anjal dan bijaksana itu dijangka akan membawa manfaat kepada pelajar. Antaranya:

1. Mengelakkan pengulangan isi kandungan yang sama agar pelajar yang pandai dan cepat menguasai ilmu itu tidak merasa bosan.
2. Pengajaran yang didahului dengan bahasa Cina dapat membantu pelajar yang lambat memahami isi kandungan subjek tadi sebelum didedahkan kepada subjek yang sama dalam bahasa Inggeris.
3. Disebabkan waktu yang tidak mencukupi, pengajaran anjal tersebut dapat membantu guru menghabiskan sukatan pelajaran.

Seterusnya ingin dinyatakan adalah tepat untuk kita menggunakan kenyataan daripada penolong kanan sekolah, Encik Chin, untuk menggambarkan manfaat yang dibawa teknik fleksibel itu. Katanya: "Pengajaran subjek Sains dan Matematik dengan teknik fleksibel dan bijaksana itu dapat membantu pengajaran itu menjadi lebih berkesan." (Temu bual dengan Chin Yuen Keong pada 6.11.2007). Tetapi, guru besar Teh Tin An pula mengatakan sekolahnya menggunakan alat bantu mengajar, seperti komputer untuk menarik minat pelajar dan sekolah juga mengikut arahan Kementerian Pendidikan agar menghabiskan sukatan yang diberi (Temu bual dengan Teh pada 9.11.2007). Dari segi pemilihan buku latihan bagi kedua-dua subjek dalam bahasa Inggeris, pihak sekolah lebih suka memilih bahan tambahan yang ringkas dan mudah faham. Begitu juga bagi soalan dalam ujian. Guru diminta tidak membuat soalan yang sukar dan keliru. Akhirnya, kedua-dua subjek dalam bahasa Inggeris ini tidak dimasuk kira dalam penghitungan markah dalam buku rekod keputusan peperiksaan pelajar. Ini bukan sahaja dapat meringankan beban pelajar untuk menguasai sebegitu banyak subjek, malah dapat memberi kesedaran kepada mereka bahawa Sains dan Matematik di SRJKC harus dikuasai melalui bahasa ibunda. Dalam peperiksaan UPSR, pelajar juga digalakkan untuk menggunakan bahasa Cina dalam menjawab kertas soalan yang disediakan dalam dua bahasa (Temu bual dengan Chin pada 6.11.2007).

Berdasarkan teknik pengajaran PPSMI di sekolah yang berkenaan, penulis yakin pelajar di sekolah itu dapat mengelakkan diri menjadi mangsa pelaksanaan

PPSMI (dwibahasa) di SRJKC. Dengan pengurusan teknik pengajaran yang fleksibel dan bijaksana, penggunaan ruang dan sumber yang optima bukan sahaja dapat membantu pelajar lebih yakin menguasai Sains dan Matematik dwibahasa, tetapi juga dapat menyampaikan mesej kepada kerajaan bahawa SRJKC masih mendukung kepada prinsip asas, iaitu mengekalkan penggunaan bahasa Cina untuk mengajar Sains dan Matematik.

Dari segi lain, SRJKC Yu Hua adalah sekolah di bawah sistem pendidikan kebangsaan, maka semestinya perlu mematuhi dasar yang ditetapkan kerajaan, termasuk melaksanakan dasar PPSMI. Tetapi, bagaimana untuk memastikan pelajarinya mendapat manfaat daripada pelaksanaannya, selain mengekalkan *status quo* SRJKC yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar utama? Ini bergantung pada kebijaksanaan dan usaha yang dijalankan pihak Lembaga Pengurus, PIBG dan pentadbir sekolah. Sejak pelaksanaan PPSMI, pihak Lembaga Pengurus dan PIBG sekolah telah banyak menghantar surat bantahan kepada pihak berkuasa agar mengekalkan penggunaan bahasa ibunda untuk mengajar kedua-dua subjek itu. Pengerusi Lembaga Pengurus, Lee Hin, berkata: "Pihak Lembaga Pengurus mempunyai pendirian yang sama dengan Dong Jiao Zong, iaitu memastikan SRJKC dapat menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa ibunda agar generasi baru berpeluang menerima pendidikan bahasa ibunda dan penyerapan budaya Tionghua, maka pihak Lembaga Pengurus dan PIBG sekolah menegaskan Sains dan Matematik berbahasa Cina adalah pentas utama untuk pelajar memperoleh ilmu Sains dan Matematik, manakala Sains dan Matematik berbahasa Inggeris hanya berfungsi sebagai subjek membantu." (Temu bual dengan Lee pada 9.11.2007)

## PENUTUP

Penggunaan bahasa ibunda untuk mengajar Sains dan Matematik adalah pegangan asas SRJKC dan penggunaan bahasa ibunda diiktiraf sebagai cara yang paling berkesan untuk menyerap ilmu di kalangan kanak-kanak oleh pakar pendidikan antarabangsa. Namun, kenapa kerajaan tetap mengarahkan pelajar sekolah rendah menggunakan bahasa asing yang mereka tidak fasih untuk mempelajari Sains dan Matematik yang sukar? Jika tujuan pelaksanaan PPSMI hanya untuk meninggikan mutu atau taraf bahasa Inggeris di kalangan pelajar, tindakan itu amat tidak rasional. Masyarakat Cina tidak menolak usaha kerajaan untuk meninggikan taraf bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Yang dipertikaikan ialah sama ada pengamalan PPSMI itu cara yang berkesan untuk meninggikan taraf bahasa Inggeris di kalangan pelajar? Cuba kita renung kenyataan Dong Jiao Zong yang menyatakan:

"PPSMI merupakan isu pendidikan yang seharusnya diteliti atau dilihat dari sudut pendidikan, maksudnya kita perlu mempertimbangkan kesesuaian dan keberkesanan pelaksanaannya dari sudut pendidikan yang berlandaskan laporan-laporan penyelidikan akademik dan kaji selidik yang berkaitan dengan keadaan sebenar pembelajaran pelajar.

Kita tidak boleh hanya berlandaskan beberapa faktor tertentu untuk melaksanakan dasar yang merugikan golongan majoriti. Pada masa yang sama kerajaan harus memastikan dasar atau isu pendidikan perlu dihindar dari sebarang pertimbangan yang bukan profesional atau berunsur politik, di sebaliknya ia harus berlandaskan pandangan keutuhan pendidikan yang menjamin perkembangan dan pembangunan pendidikan negara yang sihat dan berkesan.” (Merdeka Review 30.9.2008)

Pelaksanaan PPSMI (dwibahasa) membawa impak tertentu ke atas pelajar SJKC Yu Hua dan SRJKC lain secara amnya. Antaranya adalah perkembangan intelek pelajar, penguasaan kemahiran dan ilmu Sains dan Matematik dan pencapaian dalam subjek-subjek lain. Penggunaan dua bahasa untuk mengajar subjek yang sama mudah menyebabkan pelajar merasa bosan, keliru dan seterusnya mungkin kehilangan minat ke atas subjek itu; penyusunan waktu dan subjek pembelajaran yang terlalu banyak juga mungkin akan menyebabkan pelajar merasa tertekan; guru pula mungkin tidak dapat memberi penerangan isi kandungan dengan teliti dan mendalam, lantaran kesuntukan masa. Dari segi lain, mampukah pelaksanaan PPSMI ini meningkatkan mutu penguasaan bahasa Inggeris masih tidak ada bukti yang nyata untuk menyokongnya walaupun dikatakan pelajar dapat didedahkan kepada lebih banyak istilah Sains dan Matematik. Ini mungkin dapat membantu mereka menghadapi cabaran apabila mereka meneruskan pembelajaran PPSMI di peringkat sekolah menengah. Seandainya itu sahaja manfaat yang diperoleh melalui pelaksanaan PPSMI, ia tidak setimbang dengan impak negatif yang dibawanya.

Pada umumnya, golongan guru dan pentadbir sekolah masih berpegang kepada prinsip subjek Sains dan Matematik berbahasa Cina tetap menjadi subjek utama untuk pelajar di SRJKC menyerap ilmu dalam kedua-dua bidang itu dan Sains dan Matematik berbahasa Inggeris hanya diutamakan untuk penyerapan istilah Sains dan Matematik. Usaha guru dan pentadbir sekolah itu mendapat sokongan dan galakan daripada pihak Lembaga Pengurus, PIBG dan masyarakat Cina umumnya. Usaha sebegini bukan sahaja dapat membantu pelajar menyerap ilmu dengan berkesan dalam bahasa ibunda yang mereka fasih, malah dapat mengekalkan *status quo* SRJKC yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dan seterusnya dapat menjamin generasi baru terus dapat menerima pendidikan bahasa ibunda dan budaya tradisi mereka semasa di peringkat sekolah rendah.

#### NOTA HUJUNG

<sup>1</sup> Formula ‘2-4-3’ bermaksud pelajar-pelajar tahun 1, 2 dan 3 di SRJKC akan mengikuti kelas bahasa Inggeris sebanyak 2 waktu seminggu, 4 waktu Matematik dalam bahasa Inggeris dan 3 waktu untuk Sains dalam bahasa Inggeris. Manakala formula ‘6-2-3-2’ pula berkaitan dengan peringkat atasan di sekolah rendah di mana pelajar tahun 4, 5 dan 6 perlu mengikuti 6 waktu kelas Matematik dalam bahasa Cina, 2 waktu Matematik dalam bahasa Inggeris, 3 waktu Sains dalam bahasa Cina dan 2 waktu Sains dalam bahasa Inggeris.

- 2 Setiausaha Agung MCA Ong Kar Chuan pernah berkata bahawa MCA berlandaskan dua prinsip asas ketika mengendalikan PPSMI, iaitu SRJKC mesti menggunakan bahasa ibunda untuk mengajar Sains dan Matematik, dan kedua, pelajar SRJKC mesti dipertingkatkan daya persaingannya agar mereka dapat bersaing dengan pelajar aliran lain ketika berada di peringkat sekolah menengah. Maka bahasa Cina merupakan bahasa penyampai ilmu Sains dan Matematik di SRJKC dan bahasa Inggeris digunakan untuk mengajar kata-kata khas Sains dan Matematik (*Merdeka Review* 30.9.08).
- 3 Soal selidik ini dijalankan sempena penerbitan buku peringkatan ulang tahun Sekolah Yu Hua ke 90-an. Artikel ini ditulis berlandaskan soal selidik tersebut. Sebanyak 56 orang guru yang mengajar subjek Sains dan Matematik telah menjawab soal selidik yang dijalankan pada akhir tahun 2007 itu. Penulis juga telah menemu bual pengerusi Lembaga Pengurus, wakil Lembaga Pengurus, guru besar, penolong kanan dan guru sekolah tersebut.
- 4 Dalam soal selidik tersebut, didapati 53.6% guru berpendapat impak negatif yang dibawa oleh PPSMI itu tidak patut mempersalahkan bahasa pengantar yang digunakan, ia tetap dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti kualiti dan sikap belajar, latar belakang keluarga pelajar dan sebagainya.
- 5 Berkenaan pencapaian pelajar dalam bidang akademik, secara umumnya guru suka mengkategorikan pelajar kepada: (1) pelajar yang cemerlang, (2) pelajar yang agak baik, (3) pelajar yang sederhana, (4) pelajar yang agak lemah, dan (5) pelajar yang lemah.
- 6 Menurut kenyataan Tun Dr Mahathir, pelaksanaan PPSMI disebabkan beliau melihat pegawai dalam Kementerian Luar Negara tidak mampu menggunakan bahasa Inggeris untuk mengurus hal-hal antarabangsa. Beliau telah bercadang untuk menubuhkan sekolah aliran Inggeris semula, tetapi cadangan beliau dikatakan tidak disetujui oleh UMNO, maka beliau telah mengumumkan bahawa akan melaksanakan dasar PPSMI mulai tahun 2003 (*New Strait Times* 20.7.2002; *The Sun* 19-20.11.2005). Salah satu sebab lain pelaksanaan dasar ini adalah lebih 90% graduan Melayu tidak berjaya mendapat pekerjaan, lantaran kelemahan mereka dalam bahasa Inggeris (Lee 2003: 32).
- 7 Artikel dalam akhbar maya *Malaysian Insider* menyatakan kerajaan kerap membuat kajian semula tentang pelaksanaan PPSMI tersebut, namun disebabkan Tun Dr Mahathir masih mempunyai pengaruh yang kuat dalam politik negara, maka sukar untuk kerajaan memansuhkan pelaksanaan tersebut. Dari segi lain, Menteri Pendidikan Hishammudin merupakan pengikut atau penyokong kuat Tun Dr Mahathir, maka beliau tidak ingin membantah Tun Dr Mahathir secara terbuka (*The Malaysia Insider* 27.9.2008).
- 8 Menurut ketua pengarah kementerian Pendidikan, kebanyakan pembaca akhbar berbahasa Inggeris memberi pandangan menyokong pelaksanaan PPSMI, manakala akhbar berbahasa Melayu memberi pandangan meminta kerajaan menggunakan bahasa Melayu untuk mengajar Sains dan Matematik semula di SK, tetapi beliau tidak begitu tahu tentang pandangan yang diberi oleh akhbar berbahasa Cina dan Tamil (*Merdeka Review* 30.9.2008).
- 9 Ini merupakan pandangan beliau ketika penulis menemu bual beliau pada 11.11.2003 atas kehendak penulis tesis Ph.D. Sila rujuk Cheong. 2008. "Gerakan Pendidikan Cina Di Malaysia: Satu Kajian Tentang Perjuangan Dong Jiao Zong (1970-2002)." Tesis Ph.d. Kuala Lumpur: Universiti Malaya: 278.



- <sup>10</sup> Ini merupakan pandangan bekas Timbalan Menteri Pendidikan Hong Chun Kim, berkaitan dengan pelaksanaan formula 2-4-3 di SRJKC. Beliau berpendapat bahawa ia merupakan satu pelaksanaan yang *win-win* bukan sahaja tidak menghalang penggunaan bahasa ibunda untuk mengajar kedua-dua subjek itu, malah dapat meninggikan mutu penguasaan bahasa Inggeris pelajar di SRJKC (*Nanyang Siang Pau*, 3.11.2002).
- <sup>11</sup> Sejak pelaksanaan dasar PPSMI, waktu belajar bagi tahun bawahan (tahun 1, 2 dan 3) telah bertambah dari 45 waktu ke 50 waktu, manakala bagi tahun-tahun atasan (tahun 4, 5 dan 6) telah bertambah dari 48 waktu ke 50 waktu seminggu.
- <sup>12</sup> Pada tahun 2008, sebanyak 62 kelas dibuka di SRJKC Yu Hua. Menurut kiraan, 62 kelas darab 5 waktu (setiap kelas bertambah 5 waktu seminggu) bersamaan dengan 310 waktu seminggu. Apabila 310 waktu diagih kepada 93 orang guru yang ada, maka setiap guru perlu menanggung kerja tambahan 3.3 waktu setiap minggu.

## RUJUKAN

- Cheong Yuen Keong. 2008a. Impak Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris Terhadap Pelajar SJKC Yu Hua. *Dlm Jawatankuasa Penerbitan Buku Peringatan Perayaan Ulang Tahun Sekolah Yu Hua ke 90. Dulu dan Kini Sekolah Yu Hua*. Kajang. Lembaga Pengurus Sekolah Yu Hua: 176-183.
- . 2008b. Gerakan Pendidikan Cina Di Malaysia: Satu Kajian Tentang Perjuangan Dong Jiao Zong (1970-2002). (Tesis Ph.D). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Dong Jiao Zong. 2003. *Bentang Pertahanan Terakhir*. Kajang: Dong Jiao Zong.
- . 2007. *Berjayakah Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris?* Kajang: Dong Jiao Zong.
- Gerard Renou. 1998. Linguistic Diversity & Multilingual Education. *Dlm Kua Kia Soong. Mother Tongue Education of Malaysian Ethnic Minorities*. Kajang: Dong Jiao Zong Higher Learning Centre: 11-16.
- Laman Web Maklumat dan Pendidikan Dong Jiao Zong. Kenyataan Terhadap Pengumuman Pengarah Pendidikan yang Menyatakan Kebanyakan Rakyat menyokong PPSMI. Dipetik dari [http://web.jiaozong.org.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=292&Itemid=130](http://web.jiaozong.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id=292&Itemid=130). (30.9.2008).
- . “Perkembangan Terkini PPSMI” [http://web.jiaozong.org.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=290&Itemid=128](http://web.jiaozong.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id=290&Itemid=128). (4.10.2008).
- Lee Ban Chen. 2003. *Selamat Tinggal Era Mahathir: Koleksi Rencana Kritis*. Kuala Lumpur: Strategic Information Research Development.
- Lim Chap Sam *et al.* 2007. *Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris: Satu Penelitian dari Sudut Pentadbir Sekolah, Guru dan Pelajar*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Mahathir Muhamad. “Mengajar Sains Dan Matematik Dlm Bahasa Inggeris”. [http://.chedet.com/che\\_det/2008/08/mengajar-sains-dan-matematik-d.html](http://.chedet.com/che_det/2008/08/mengajar-sains-dan-matematik-d.html) (10.8.2008)
- Merdeka Review* dipetik dari <http://www.MerdekaReview.com/news.php?n=7777>, (30.9.2008).
- Shafie Abu Bakar. Matematik dan Sains dalam BI: Pihak Mana Berkeras? [http://www.harakahdaily.net/index.php?option=com\\_content&task=view&id=11116&Itemid=81](http://www.harakahdaily.net/index.php?option=com_content&task=view&id=11116&Itemid=81) (30.11.2007).

*The Malaysia Insider*. "Language Barrier Splits Malaysians into Classes" dipetik dari [http://www. The Malaysian insider. Com/index. php/malaysia/9670?task=view#pc\\_2235](http://www.TheMalaysianinsider.Com/index.php/malaysia/9670?task=view#pc_2235) (27.9.2008)

TEMU BUAL:

Pengerusi Lembaga Pengurus SRJKC Yu Hua, Lee Hin (9.11.2007).

Bendahari Lembaga Pengurus SRMJK Yu Hua, Ling Voon Yun (11.10. 2007).

Guru Besar SRJKC Yu Hua (9.11.2007).

Penolong Kanan SJKC Yu Hua (6.11.2007)

Cikgu Koh Ah Booi (6.11.2007)

Setiausaha Biro Pendidikan MCA Lee San Chooi (11.12.2003).

Profesor Dr. Shamsul Amri Baharuddin (11.11.2003).

(Sumber asal dalam bahasa Cina dengan judul 英语教数理对华小学生的冲击 dan sudah diterbitkan dalam 马来西亚华人研究学刊 第十一期: 59-78).

Penulis dan Penterjemah Cheong Yuen Keong, Ph D

SMJK Yu Hua Kajang

26, JLN KP 2 / 16, TMN Kajang Prima

43000 Kajang, Selangor

Emel: [yuenkeong@hotmail.com](mailto:yuenkeong@hotmail.com)